

10 MAY 2001

Fong-MTUC

KAJIAN KE ATAS SKIM INSURANS ANUITI KWSP AMBIL KIRA PANDANGAN MTUC

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kajian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengenai skim insurans anuiti dan faedah hilang upaya akan mengambil kira pandangan dari Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kajian itu yang dijanjikan oleh kerajaan semalam akan disiapkan dalam tempoh tiga bulan dan mengambil kira pendapat dan syor MTUC.

"Isu itu diharapkan dapat diselesaikan apabila kajian itu siap nanti," katanya kepada pemberita pada akhir Mesyuarat Menteri Buruh Asean ke-15 di sini hari ini.

Sejak beberapa bulan lepas MTUC berkata pengurusan dana pekerja oleh KWSP telah mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan pekerja di negara ini. Antara isu yang menyebabkan timbul rasa tidak puas hati itu ialah skim anuiti dan skim hilang upaya.

MTUC merancang untuk berpiket Sabtu ini tetapi memutuskan semalam untuk menangguhkannya selama tiga bulan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjanji untuk meneliti perkara itu.

Dr Fong meminta MTUC supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada KWSP dan kerajaan dalam menyiapkan kajian itu.

Mengenai ancaman piket itu, beliau berkata piket itu tidak perlu diadakan kerana kerajaan sentiasa memihak kepada pekerja dan setiap masalah boleh diselesaikan menerusi perbincangan.

"Kita sentiasa responsif kepada keperluan pekerja di negara ini, oleh itu tidak timbul isu untuk berpiket...kita boleh berunding dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ AKD